

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID  
TIMBALAN MENTERI KPDNHEP**

**SEMPENA**

**PERASMIAN KEMPEN BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA  
(KBBM) DAN KEMPEN JUALAN MALAYSIA (KJM) TAHUN 2020  
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

**PADA**

**27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**TEMPAT**

**RUANG LEGAR, PASAR RAYA GIANT KANGAR  
PERLIS**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Mengadap,

**Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis**

Ampun Tuanku beribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun,

Patik merafak sembah menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis berangkat mencemar duli ke majlis ini dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Kempen Jualan Malaysia 2020 (KJM 2020) Dan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia (KBBM) Peringkat Negeri Perlis.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku ke majlis ini memberikan satu mesej jelas keprihatinan dan sokongan daripada Institusi DiRaja ke atas Kempen ini. Patik serta seluruh warga kerja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sangat menyanjung tinggi dan amat menghargainya.

Patik memohon limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk mengalu-alukan kehadiran tetamu jemputan dan seterusnya menyampaikan ucapan di majlis pada pagi ini.

Ampun tuanku,

**SALUTASI**

- 1. YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI AZLAN MAN, MENTERI BESAR PERLIS**
- 2. YANG BERHORMAT TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**
- 3. YANG BERHORMAT TUAN AZIZAN BIN SULAIMAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**PENGURUSAN KANAN KEMENTERIAN DAN GCH RETAIL (MALAYSIA) SDN. BHD., KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI, SYARIKAT-SYARIKAT PERUNCITAN NEGERI PERLIS, PERSATUAN DAN NGO PENGGUNA, USAHAWAN TEMPATAN, SAHABAT-SAHABAT MEDIA, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

Ampun Tuanku

1. Alhamdulillah, pada hari yang mulia ini, patik memanjatkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmatnya, Majlis Perasmian Kempen Jualan Malaysia 2020 (KJM 2020) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Peringkat Negeri Perlis yang diadakan di ruang legar Pasar Raya Giant Kangar Perlis pada pagi ini.
2. Setinggi-tinggi menjunjung kasih daripada kami warga kerja Kementerian di atas kesudian Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berangkat mencemar duli ke majlis perasmian ini.

Ampun Tuanku

3. Alhamdulillah, dengan kerjasama baik rakyat serta semua pihak di sepanjang tempoh PKP, kita sudah berada di fasa pemulihan. Bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat terpelihara, Kerajaan perlu bertindak secara agresif dalam memulihkan ekonomi dan dalam masa yang sama perlu memastikan rantai COVID-19 berjaya dikekang.
4. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia yang diumumkan telah menunjukkan perbelanjaan isi rumah menjunam sehingga 55% daripada RM6,317 sebelum PKP kepada hanya RM2,813 semasa PKP dilaksanakan. Penurunan perbelanjaan isi rumah ini memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara terutamanya sektor peruncitan.
5. Sehubungan dengan itu, Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Jun 2020 telah bersetuju untuk menggerakkan Kempen Jualan Malaysia 2020 (KJM 2020) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) secara serentak sepanjang Julai hingga Disember 2020 bagi memulih dan memperkasakan sektor peruncitan pasca PKP.

Ampun tuanku,

6. KJM 2020 merupakan program jualan peringkat kebangsaan yang akan diadakan sepanjang tahun bermula pada bulan Julai sehingga Disember 2020. KJM 2020 memfokuskan jualan mengikut tema dan segmen produk yang berbeza pada setiap bulan yang dijual pada harga diskaun. Konsep ini secara tidak langsung akan memberi peluang kepada pengguna membuat perancangan pembelian dan seterusnya mampu meningkatkan jualan segmen peruncitan yang terjejas sepanjang PKP. KBBM dan KJM 2020 akan dilaksanakan secara agresif, komprehensif

dan inklusif menerusi konsep norma baharu iaitu jualan di premis dan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

7. Kempen Jualan Malaysia dan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia merupakan 2 kempen yang berbeza sifat namun objektifnya adalah sama. Kedua-dua kempen bermatlamat untuk meningkatkan jualan keseluruhan sektor peruncitan. Belilah De Xandra, Bonia, Pensonic dan British India, yang merupakan jenama milik tempatan. Namun pada masa yang sama belilah juga Chanel, Calvin Klein, Samsung dan Uniqlo. Ini kerana jenama antarabangsa ini juga merupakan produk-produk yang dijual oleh peruncit tempatan.
8. Kepada peruncit, pastikanlah harga yang ditawarkan adalah harga yang menarik pelanggan namun pada masa yang sama masih mendapat keuntungan. Janganlah mengambil kesempatan ke atas kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan ke atas peraturan untuk membuat jualan. Pilihlah tema yang bersesuaian seperti jualan fesyen dan pakaian pada bulan September atau gaya hidup untuk sukan, aktiviti riadah dan sosial pada bulan Oktober.
9. Kepada pembeli dan pengguna, rancanglah pembelian sebaik mungkin serta dapatkan diskaun yang diberikan melalui tema kategori jualan setiap bulan. Sebagai contoh, pengguna yang sedang mencari perabot baharu maka bolehlah merancang untuk membeli pada bulan September 2020 sempena jualan kategori perabot, dapur, DIY serta barangan elektrik dan elektronik.

Ampun Tuanku,

10. Kempen Jualan Malaysia mempunyai 7 tema bagi setiap bulan bermula Julai hingga Disember 2020. Tema tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Jualan Hari Raya Kedua (Raya Haji) – Julai
  - (ii) Jualan peralatan ICT – Julai
  - (iii) Jualan fesyen dan kosmetik – Ogos
  - (iv) Jualan barangan rumah dan perabot – September
  - (v) Jualan gaya hidup dan sukan – Oktober
  - (vi) Jualan mega e-dagang, francais dan jualan langsung – November
  - (vii) Jualan “back to school” – Disember
11. Saya juga menjemput pengusaha dan usahawan tempatan terutamanya di Negeri Perlis ini turut serta di dalam Kempen ini dengan menjual barangan pada harga diskaun berserta promosi yang dapat menarik minat pengguna untuk membeli. Kempen ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dan usaha berterusan pengusaha dan peniaga tempatan dan juga memerlukan sokongan daripada pengguna.
12. Produk-produk tempatan khususnya produk Negeri Perlis perlu diutamakan oleh pengguna di mana perbelanjaan pengguna ini dapat memperkukuhkan sektor peruncitan domestik agar berdaya saing dan akan memberi menafaat kepada pertumbuhan ekonomi negara.
13. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, Kementerian telah mengambil inisiatif dengan memudahkan proses kelulusan permohonan jualan murah sepanjang tahun. Peniaga hanya perlu mendaftar dalam Sistem Notis Jualan Murah. Notis pemakluman jualan murah boleh diisi dan dalam tempoh 24 jam jualan murah boleh diadakan. Notis ini tidak memerlukan kelulusan daripada KPDNHEP tetapi sebaliknya hanya

memaklumkan tentang jualan murah yang ingin diadakan. Namun pada masa yang sama, KPDNHEP mengingatkan agar jualan murah tersebut adalah benar dan sekiranya pemeriksaan dibuat mendapati sebaliknya maka tindakan masih boleh diambil.

14. Kepada usahawan tempatan yang ingin memperkenalkan dan mempromosi produk keluaran syarikat masing-masing, boleh menggunakan platform *SpaceDeals.com* di bawah seliaan Kementerian ini. *SpaceDeals* merupakan satu portal di bawah seliaan KPDNHEP. Permohonan Penandaan Logo Buatan Malaysia boleh dibuat melalui portal ini. Dengan tema *click, pick and close the deal*, ribuan SKU produk keluaran syarikat tempatan ada dipaparkan di portal ini serta turut menjadi pautan kepada marketplace utama untuk mendapatkan barangan buatan Malaysia. Sehubungan itu, saya menyeru khususnya kepada pengusaha produk yang ada di negeri Perlis untuk mendaftar ke dalam portal ini.
15. Kementerian juga telah membangunkan Aplikasi *MySales Tracker* yang memberi maklumat berkaitan jualan murah yang tepat, promosi serta saluran aduan. Sebagai contoh, pembeli yang ingin mengetahui maklumat jualan murah di sesetengah lokasi bolehlah menggunakan aplikasi ini yang akan memberi pelbagai jenis maklumat jualan dan produk. Aplikasi ini boleh dimuat turun daripada aplikasi *Google Play* atau *Apple Store* secara percuma.
16. Dengan perkenan Tuanku mencemar duli berangkat ke majlis ini adalah menjadi satu mesej jelas keprihatinan dan sokongan daripada Institusi DiRaja ke atas kempen ini. Kementerian berharap agar rakyat tuanku turut menyokong usaha Kerajaan ini dalam menjayakan Kempen Jualan

Malaysia 2020 (KJM 2020) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) di Negeri Perlis ini.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja persembahan ucapan patik.

Patik-patik sekalian mengambil kesempatan di sini mendoakan agar Duli Yang Teramat Mulia Tuanku senantiasa dirahmati Allah SWT dengan dikurniakan kesihatan yang baik serta keberkatan dan kekuatan untuk terus bersemayam di atas singgahsana pemerintahan dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kemuliaan hendakNya.

Ampun Tuanku.

Sekian, *Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.*